

## Perbahasan Sejarah Islam di India dalam *al-Kamil fi al-Tarikh* Karya Ibn al-Athir

### Debate on Islamic History in India in *al-Kamil fi al-Tarikh* by Ibn al-Athir

MOHAMAD ZULFAZDLEE ABUL HASSAN ASHARI  
MOHD. ROSLAN MOHD. NOR  
EZAD AZRAAI JAMSARI

#### ABSTRAK

Kawasan India, atau dikenal isebagai Sub-Continent, merupakan antara kawasan yang menerima pengaruh Islam melalui dakwah dan futuhat pada peringkat awal Islam. Hal sedemikian menyebabkan Islam terus berkembang sehingga menyaksikan beberapa buah kerajaan Islam turut bertapak di kawasan tersebut. Peristiwa sejarah demikian tercatat dalam kebanyakan karya sejarah Islam, termasuk karya *al-Kamil fi al-Tarikh* tulisan Ibn al-Athir. Matlamat kajian ini adalah untuk meneliti perkembangan sejarah Islam di kawasan India, atau Sub-Continent, serta perbahasannya dalam karya sejarah Islam seperti yang disebutkan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian sejarah. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan menfokuskan kepada karya sejarah *al-Kamil fi al-Tarikh*. Manakala metode analisis data, kajian ini menggunakan metode deskriptif dan metode sejarah menerusi analisis kandungan dan interpretasi sumber berdasarkan tafsiran sejarah. Dapatkan kajian menunjukkan Ibn al-Athir telah membahaskan sejarah Islam di kawasan India dalam karya sejarahnya. Tumpuan penceritaan sejarah pula lebih tertumpu kepada perkembangan politik di kawasan tersebut seperti peristiwa futuha tatau peperangan, kemunculan sesebuah entity politik dan pemerintahan serta tokoh-tokoh politik yang dominan dalam mencorakkan perkembangan politik di India.

Kata kunci: India; Sejarah Islam; Ibn al-Athir; *al-Kamil fi al-Tarikh*; karya sejarah

#### ABSTRACT

India, also known as the Sub-Continent, is one of the areas to be influenced by Islam through da'wah and futuhat during early Islamic period. Because of that, Islam grew up until several Islamic kingdoms were established in this area. Such historical events in India recorded in most of Islamic history masterpieces, including Ibn al-Athir's work, *al-Kamil fi al-Tarikh*. The objective is to examine the historical enhancement of Islam in India, or Sub-Continent, and the argument on that events in *al-Kamil fi al-Tarikh*. This study is a qualitative research within used the historical study as a research design. This study used documentation method to collect the data within focused to *al-Kamil fi al-Tarikh*. Meanwhile for data analysis method, this study used descriptive method and historical approach through content analysis and interpretation of sources based on historical view. The results of study were showing that Ibn al-Athir was discussing about Islamic history in India in his work. The historical narrative was more focused on that political enhancement in that area such as futuha or warfare, the emergence of politics entities and some political figures who are dominant in shaping political development in India.

Keywords: India; Islamic History; Ibn al-Athir; *al-Kamil fi al-Tarikh*; history masterpiece

#### PENDAHULUAN

Nama Ibn al-Athir amat istimewa apabila dikaitkan dengan sumbangannya terhadap perkembangan ilmu dan penulisan karya-karya bermutu, khususnya dalam bidang sejarah. Karya sejarah yang telah dikarang oleh sejarawan Muslim tersebut ialah *al-Kamil fi al-Tarikh*. Karya ini diakui sebagai sumber penting dalam pengajian sejarah dan tamadun Islam kerana perbahasan sejarah dalam kedua-dua kitab tersebut bersifat universal dan kontemporari (Azmul Fahimi & Norsaeidah 2011b: 505). Bermula daripada sejarah

penciptaan makhluk, perbahasan sejarah dalam kedua-dua karya seterusnya meliputi sejarah nabi dan umat terdahulu hingga zaman Jahili. Setelah itu, sejarah Islam bermula dari zaman Nabi Muhammad SAW, Khulafa' al-Rashidin sehingga zaman hayat sejarawan masing-masing iaitu, era Ayyubi dan Mamluki turut dicatatkan. Oleh itu, perbahasan sejarah Islam di India turut ditulis dalam kedua-dua karya ini kerana wilayah tersebut telah menerima dakwah Islamiyyah pada era Umayyah, khususnya setelah Muhammad b. al-Qasim mengetuai ekspedisi tentera Islam pada tahun 92H/710M dan menawan wilayah India (Ismail

2000: 64). Perbahasan berkaitan sejarah Islam di India dalam karya-karya sejarah Arab klasik amat kurang berbanding perbahasan sejarah Islam di wilayah lain seperti Hijaz, Iraq, Sham, Mesir dan al-Andalus. Sepanjang pemerhatian ini, karya *Rihlah Ibn Battutah* merupakan karya sejarah yang membahaskan tentang sejarah dan tamadun Islam di India secara panjang lebar. Bagaimanapun, perbahasan sedemikian tertumpu kepada sejarah kontemporari yang berlaku pada zamannya kerana Ibn Battutah sendiri pernah berkelana dan berkhidmat sebagai *qadi* di dalam perkhidmatan Kesultanan Delhi ketika era Dinasti Tughluq (Ibn Battutah 2002: 14). Sehubungan itu, perbahasan dalam kitab *Rihlah Ibn Battutah* terbatas pada zaman Kesultanan Delhi semata-mata tanpa membahaskan sejarah Islam di India pada peringkat awal secara lebih terperinci. Justeru, karya sejarah seperti *al-Kamil fi al-Tarikh* dipilih sebagai subjek kajian bagi meneliti perbahasan sejarah Islam di India kerana sifat kandungan sejarah karya tersebut merentasi zaman.

Matlamat kajian ini adalah untuk meneliti perkembangan sejarah Islam di kawasan India dan Sub-Continent serta perbahasannya dalam karya sejarah *al-Kamil fi al-Tarikh*. Kajian ini bersifat kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian adalah kajian sejarah. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan fokus diberikan kepada karya sejarah *al-Kamil fi al-Tarikh*. Manakala metode analisis data pula, kajian ini menggunakan metode deskriptif dan metode sejarah melalui analisis kandungan dan interpretasi sumber berdasarkan tafsiran sejarah. Setelah itu, dapatan kajian akan disusun berdasarkan kajian tematik untuk mengenal pasti tema-tema sejarah Islam di India yang diperbahaskan oleh Ibn al-Athir dalam karya sejarahnya. Kajian ini penting diketengahkan supaya dapatan yang diperoleh boleh dijadikan sebagai maklumat untuk pengkajian sejarah dan tamadun Islam. Tambahan pula, kajian ini masih di peringkat penerokaan dan cuba untuk mendedahkan perbahasan sejarah Islam di India dalam karya-karya sejarah muktabar dan autentik.

## TINJAUAN LITERATUR

Sejarah Islam di India boleh dikatakan bermula pada tahun 92H/710M setelah tentera Islam pimpinan Muhammad b. al-Qasim. Perkembangan sejarah ini berterusan seiring dengan kemunculan pelbagai kerajaan Islam di wilayah India seperti Kerajaan Ghaznawi, Kerajaan Ghuri, Kesultanan Delhi dan

Kerajaan Mughal. Walaupun Kerajaan Mughal jatuh secara rasmi pada tahun 1857M, namun perbahasan sejarah Islam di India pasca-Mughal itu diteruskan dengan fokus diberikan kepada kemunculan gerakan Islam berbentuk islah dan tajdid serta tokoh-tokoh pelopor pembaharuan, antaranya seperti Jamal al-Din al-Afghani, Sir Muhammad Iqbal, Sayyid Ahmad Khan dan Abu al-'Ala al-Mawdudi. Seterusnya, perbahasan diteruskan dengan perjuangan menuntut negara berasingan untuk umat Islam India sehingga tertubuhnya Pakistan dan isu-isu minoriti Muslim di negara India moden. Bagaimanapun, fokus tinjauan literatur berkisarkan kepada sejarah Islam di India pada zaman awal, lebih khusus bermula era Khulafa' al-Rashidin hingga era 'Abbasi, berdasarkan perbahasan yang dikupas oleh Ibn al-Athir dalam karyanya hanya merangkumi zaman tersebut.

Perbahasan sejarah Islam di India pada zaman awal banyak dikupas oleh para pengkaji Barat yang membincangkan sejarah India secara keseluruhan. Antaranya Kulke dan Rothermund (2004: 162-168) yang memuatkan perbincangan tentang pembukaan tentera Islam ke atas wilayah India dan kemunculan kerajaan-kerajaan Islam seperti Ghaznawi dan Ghuri. Dalam tulisan tersebut, pemerintahan Islam di peringkat awal disifatkan sebagai pemerintahan Arab (Kulke & Rothermund 2004: 163). Hal ini disebabkan tentera Umayyah yang menyertai ekspedisi *futuhat* ke India merupakan bangsa Arab dan setiap gabenor yang dilantik oleh pemerintah Umayyah di Dimashq ketika itu juga berbangsa Arab. Isu berkenaan tidak menghairankan kerana polisi Kerajaan Umayyah ketika itu yang mengutamakan bangsa Arab dalam pentadbiran walaupun dalam perlantikan gabenor di luar wilayah Arab. Setelah pemerintahan Arab berakhir, wilayah India mula ditadbir oleh golongan Turki bermula daripada Kerajaan Ghaznawi (Kulke & Rothermund 2004: 164). Walaupun isu yang dibahaskan jelas menunjukkan perkembangan pemerintahan Islam di wilayah India pada zaman awal, namun sumber-sumber sejarah Islam, termasuk karya *al-Kamil fi al-Tarikh*, tidak digunakan sebagai sumber rujukan. Penulis berkenaan lebih merujuk kepada *Tarikh-i-Firuz Shahi*, yang diterjemahkan oleh H.M. Elliot dan J. Dawson dengan karya bertajuk *The History of India: As Told by Its Own Historians* terbitan tahun 1867 (Kulke & Rothermund 2004: 396).

Lal (1999) mengulas panjang berkaitan sejarah umat Islam di India bermula daripada zaman kemunculan Islam di India hingga kedudukan Muslim di India pada zaman moden. Perbahasan sejarah Islam di India dimulakan dengan isu *futuhat*

*al-Islamiyyah* oleh tentera Arab yang dipimpin oleh Muhammad b. al-Qasim (Lal 1999: 17). Beliau telah menceritakan secara sepantas lalu tentang pembukaan kota oleh tentera Islam seperti Dubayl dan Multan. Selain itu, Lal (1999: 19-23) turut membincangkan ekspedisi ketenteraan yang digerakkan oleh Mahmud al-Ghaznawi dan Muhammad al-Ghuri. Walaupun perbahasan sejarah Islam di India pada zaman awal ini lebih tertumpu kepada ekspedisi ketenteraan Islam ke wilayah tersebut, apa yang menarik rujukan yang digunakan dalam memaparkan maklumat berkenaan kebanyakannya sumber berbahasa Arab yang primer dan autentik. Antara rujukan yang digunakan ialah *al-Kamil fi al-Tarikh* karya Ibn al-Athir, *Muruj al-Dhahab* karya al-Mas'udi dan *Surat al-Ard* karya Ibn Hawqal.

Sarjana Arab turut membahaskan tentang sejarah dan tamadun Islam di India. Antaranya al-Faqi (2002) dalam bukunya, *Bilad al-Hind fi al-'Asr al-Islami Mundhu Fajr al-Islam wa Hatta al-Taqsim*. Buku tersebut membincangkan sejarah dan perkembangan tamadun Islam di India bermula dari zaman awal kemasukan Islam hingga zaman Kerajaan Mughal. Perbincangan berkaitan perkembangan tamadun pula tertumpu kepada struktur politik dan ketenteraan, kegiatan ekonomi, aktiviti sosial dan intelektual di India. Pada peringkat awal buku tersebut, al-Faqi membincangkan tentang kedatangan Islam ke India yang dikatakan mula disebarluaskan secara aktif setelah wilayah tersebut telah berjaya dibuka oleh tentera Islam pimpinan Muhammad b. al-Qasim. Pembukaan setiap kota oleh tentera Islam telah meletakkan wilayah India di bawah penguasaan Kerajaan Umawiyyah dan seterusnya Kerajaan 'Abbasiyyah. Bahkan, aktiviti penyebaran Islam ke India tidak terputus walaupun situasi politik 'Abbasiyyah berada dalam keadaan lemah dan tidak menentu. Hal ini disebabkan kerajaan-kerajaan kecil, seperti Ghaznawi dan Ghuri, telah meneruskan aktiviti *futuhat* demi memastikan Islam sentiasa ditegakkan dan menjadi teras kepada perkembangan tamadun di India (al-Faqi 2002: 16-40). Justeru, perkembangan di atas telah memberi maklumat berguna dalam pengkajian sejarah dan tamadun Islam di India. Tambahan pula, buku ini menggunakan karya *al-Kamil fi al-Tarikh* sebagai sumber utama dalam memaparkan sejarah awal Islam di wilayah India. Sehubungan itu, sedikit dapat daripada buku tersebut dijadikan panduan kepada kajian ini untuk meneliti perbahasan isu sejarah Islam di India yang ditulis oleh Ibn al-Athir dalam karyanya sejarahnya.

Hamka (2006) merupakan antara sarjana Nusantara yang turut mengupas tentang sejarah

Islam di India dalam karyanya, *Sejarah Umat Islam*. Karya tersebut merangkumi perbahasan sejarah Islam yang bermula di Tanah Arab sehingga ke Nusantara. Bagaimanapun, perbahasan sejarah di dalam karya tidak menuruti kronologi bahkan menggunakan metode kajian berdasarkan kawasan atau benua, yang dikenali sebagai *area studies*, sebagai pecahan kepada perbahasan sejarah Islam. Bab kelima yang memuatkan sejarah Islam di India bermula dengan perbahasan asal usul nama India, India di peringkat awal Islam hingga kejatuhan Mughal pada tahun 1857M (Hamka 2006: 482-522). Namun begitu, perbahasan sejarah Islam di India, khususnya pada peringkat zaman awal Islam, hanya menfokuskan kepada ekspedisi ketenteraan yang dipimpin oleh Muhammad b. al-Qasim dan Mahmud al-Ghaznawi. Kemungkinan Hamka memberikan fokus kepada kedua-dua tokoh ini semata-mata disebabkan jasa mereka yang telah membawa Islam ke India. Selain itu, Hamka turut menyifatkan ekspedisi ketenteraan yang dipimpin mereka telah meninggalkan kesan besar kepada Islam di India sehingga menyaksikan agama tersebut masih lagi dianuti oleh penduduk India.

Abdullah Ishak (1992) membincangkan tentang sejarah Islam di India secara kronologi bermula dari zaman kemasukan Islam hingga kejatuhan Kerajaan Mughal. Apa yang menarik, perbahasan sejarah Islam di India telah dipecahkan mengikut zaman pemerintahan sesebuah kerajaan, misalnya zaman Khulafa' al-Rashidin, Umawi dan 'Abbasi. Setelah itu, perbahasan tersebut diteruskan dengan pengelasan berdasarkan *duwaylat* yang berkuasa di wilayah India, seperti Kerajaan Ghaznawi, Ghuri, Kesultanan Delhi, yang merangkumi Dinasti Mamluk, Khalji dan Tughlug, serta seterusnya pemerintahan Mughal. Perbahasan sejarah Islam di India berkisarkan kepada ekspedisi ketenteraan yang turut membawa Islam ke wilayah tersebut dan kemunculan pelbagai entiti politik yang menguasai wilayah India. Namun demikian, Abdullah (1992: 16-18) turut membincangkan sumbangan Kerajaan Ghaznawi dan Kerajaan Ghuri terhadap pembinaan tamadun Islam di India, yang kurang diberikan perhatian oleh pengkaji sejarah lain. Sumbangan kedua-dua kerajaan tersebut dalam bidang intelektual dinyatakan dengan jelas dengan memaparkan fungsi kota Ghaznah dan Delhi ketika era kerajaan-kerajaan berkenaan sebagai pusat intelektual, kebudayaan dan kesenian selain dari kota Baghdad. Selain itu, kemunculan pelbagai ilmuwan seperti al-Farabi dan al-Bayrumi (falsafah), Utbi (sejarah), Ibn Sina (falsafah, perubatan dan sains) dan al-Hamdani (sastera dan penulisan kreatif)

menggambarkan perkembangan intelektual di India ketika itu. Bagaimanapun, perbahasan di atas tidak menggunakan karya *al-Kamil fi al-Tarikh* sebagai rujukan kerana kitab tersebut tiada dalam senarai rujukan. Abdullah (1992: 256) lebih cenderung menggunakan sumber sekunder seperti *An Advanced History of India* karya R.C. Majumdar dan *Sejarah India* karya C.H. Philip.

Perbahasan sejarah Islam di India turut dibincangkan oleh Mahayudin dan Ahmad Jelani (1993: 447-527) dalam buku *Sejarah Islam*. Terdapat satu bab khusus bertajuk Islam di India yang menceritakan perkembangan Islam di wilayah tersebut bermula dari zaman penyebaran Islam hingga era kelemahan Mughal, khususnya selepas kematian Maharaja Awrangzeb pada tahun 1707M. Perbahasan bermula dengan kedatangan Islam ke wilayah India dengan usaha *futuhat* telah dilakukan sejak zaman pemerintahan Khalifah ‘Umar b. al-Khattab r.a. Setelah itu, perbahasan sejarah tersebut diteruskan dengan paparan beberapa ekspedisi Islam ke wilayah India, termasuk ekspedisi pimpinan Muhammad b. al-Qasim. Kemudian, perbahasan diteruskan dengan menceritakan ekspedisi *futuhat* ke India ketika era Ghaznawi dan Ghuri (Mahayudin & Ahmad Jelani 1993: 447-460). Perbahasan turut menyentuh faktor kejayaan dan faktor kelemahan Kerajaan Ghaznawi dan Kerajaan Ghuri. Berdasarkan paparan tersebut, jelas menunjukkan perbahasan sejarah India pada zaman awal dalam buku *Sejarah Islam* menfokuskan kepada perkembangan politik Islam di India dan gerakan *futuhat*. Namun demikian, karya *al-Kamil fi al-Tarikh* tidak dijadikan sumber bagi perbahasan sejarah Islam di India dalam buku ini. Penulis lebih cenderung untuk menggunakan sumber berbahasa Inggeris tulisan pengkaji Barat seperti Stanley Lane-Poole (Mahayudin & Ahmad Jelani 1993: 685).

Ismail Bakar (2000: v-vii) turut membincangkan tentang sejarah dan tamadun Islam di India dengan memecahkan perbahasan tersebut kepada lima bab, iaitu bab pertama membincangkan latar belakang, taburan penduduk dan geografi wilayah India, bab kedua membincangkan zaman India sebelum Islam merangkumi kemunculan kerajaan, organisasi sosial, institusi agama dan institusi politik, bab ketiga pula membincangkan sejarah India pada zaman awal Islam seperti *futuhat al-Islamiyyah* ke India, program dakwah dan pembangunan insan di India, bab keempat membincangkan zaman kekuasaan golongan Turki di India bermula dari zaman Kerajaan Ghaznawi hingga kejatuhan Kesultanan Delhi dan bab kelima pula membincangkan sejarah India pada zaman Kerajaan Mughal. Perbahasan dalam buku

ini menggunakan karya *al-Kamil fi al-Tarikh* sebagai rujukan, khusus untuk perbincangan sejarah India pada peringkat awal Islam. Hal sedemikian ternyata menunjukkan perbahasan Ibn al-Athir dalam karya tersebut seharusnya dijadikan sebagai sumber dan data bagi membincangkan sejarah dan tamadun Islam di India. Bagaimanapun, karya *al-Kamil fi al-Tarikh* hanya digunakan sebagai rujukan semata-mata dalam penulisan tersebut dan isu perbahasan sejarah Islam di India dalam karya *al-Kamil fi al-Tarikh* tidak dibincangkan secara serius dalam penulisan buku *Sejarah dan Tamadun Islam di India*. Ini disebabkan buku tersebut dirangka khusus bagi menjelaskan perkembangan politik Islam yang berlaku di India sejak awal abad ke-8M hingga kejatuhannya kepada kuasa Eropah pada pertengahan abad ke-19M dengan tidak menfokuskan kepada satu-satu sumber muktabar (Ismail 2000: x).

Terdapat penulisan yang membicarakan tentang biografi Ibn al-Athir dan ketokohnanya dalam bidang sejarah. Antara penulisan mutakhir ialah sebuah makalah bertajuk *Konteks Histografi Ibn al-Athir* yang ditulis bersama oleh Norsaeidah dan Azmul Fahimi (2012). Makalah ini telah mendatangkan beberapa fakta daripada penyelidik lalu dalam mengemukakan pandangan berkaitan ketokohan Ibn al-Athir dalam bidang sejarah dan penulisan *al-Kamil fi al-Tarikh* sebagai bukti ketokohan tersebut. Bahkan, dapatan kajian dalam makalah tersebut menunjukkan minat mendalam dan kecenderungan ke arah bidang sejarah telah meletakkan kedudukan Ibn al-Athir antara sejarawan Muslim yang berwibawa. Penghasilan empat kitab sejarah iaitu *al-Kamil fi al-Tarikh*, *Usud al-Ghabah fi Ma‘rifat al-Sahabah*, *al-Lubab fi Tahdhib al-Ansab* dan *al-Tarikh al-Bahir fi al-Dawlah al-Atabikiyyah* sudah cukup menggambarkan kemahiran dan kepakaran Ibn al-Athir dalam bidang sejarah (Norsaeidah & Azmul Fahimi 2012: 704). Tambahan pula, karya yang telah menaikkan nama Ibn al-Athir sebagai sejarawan Islam adalah *al-Kamil fi al-Tarikh*, yang dicop sebagai karya sejarah terbaik beliau, disebabkan karya tersebut bersifat sejarah universal dan kontemporari, metode penulisan yang mengikuti sistem kronologi dan banyak merujuk kepada kitab *Tarikh al-Tabari*. Kenyataan sedemikian telah menjadi pemangkin dan faktor utama sekali gus pernyataan masalah mengapa *al-Kamil fi al-Tarikh* karya Ibn al-Athir dipilih sebagai fokus kajian bagi meneliti isu perbahasan sejarah Islam di India.

Perbahasan isu-isu sejarah dan tamadun Islam berdasarkan sumber-sumber primer telah ditulis oleh

sebilangan pengkaji sejarah. Bagaimanapun, sumber primer yang dipilih sebagai subjek kajian ialah karya sejarah *al-Bidayah wa al-Nihayah* tulisan Ibn Kathir dan *al-Istiqa li Akhbar Duwal al-Maghrib al-Aqsa* tulisan al-Salawi. Misalnya, Mohamad Zulfazdlee et al. (2008: 78-92) telah membincangkan isu peperangan dalam sejarah ketenteraan Islam berdasarkan kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* karya Ibn Kathir. Penulisan makalah ini membincangkan siri peperangan dalam sepanjang sejarah dan tamadun Islam yang dicatatkan oleh Ibn Kathir bermula dari zaman Rasulullah SAW hingga zaman hayat Ibn Kathir, iaitu zaman Mamluk. Antara perang-perang utama yang dibahaskan ialah Perang Badar, Perang Uhud, Perang al-Riddah, Perang Nahawand, Perang Qubrus, Perang ‘Ayn Wardah, siri Perang Salib dan Perang ‘Ayn Jalut. Walaupun isu perbahasan dalam makalah ini hanya menfokuskan kepada perang, namun demikian makalah ini cuba untuk meneroka sesuatu isu dalam kitab sejarah yang mencatatkan sebarang peristiwa yang berlaku secara kronologi tanpa mengategorikan peristiwa-peristiwa sejarah kepada satu-satu isu dan mawduk. Selain itu, Mohamad Zulfazdlee dan Ezad Azraai (2009: 467-483) dan Ezad Azraai et al. (2012, 6(8): 65-73) telah membincangkan tentang isu peperangan dalam sejarah ketenteraan Banu Marin dalam karya *al-Istiqa li Akhbar Duwal al-Maghrib al-Aqsa* tulisan seorang sejarawan al-Maghrib, Ahmad b. Khalid al-Nasiri al-Salawi. Perbincangan dalam penulisan berikut bersifat kajian sejarah dan kontekstual dengan mencerakinkan isu-isu peperangan dalam sejarah ketenteraan Banu Marin yang terkandung dalam karya sejarah berkenaan. Dapatkan kajian dalam perbincangan kedua-dua makalah tersebut menunjukkan Kerajaan Banu Marin terlibat dalam peperangan atas tiga faktor utama iaitu pemantapan kedudukan politik, penguasaan keseluruhan wilayah al-Maghrib dan ekspedisi jihad di al-Andalus. Walaupun isu perbahasan dan jenis karya berbeza dengan perbincangan permasalahan kajian dalam makalah ini, kerangka perbincangan masih boleh disesuaikan dan diguna pakai kerana fokus dan objektif kajian masih lagi tertumpu untuk melihat dan meneliti isu perbahasan sejarah dalam sebuah karya bersifat autentik.

#### IBN AL-ATHIR DAN *AL-KAMIL FI AL-TARIKH*

Nama lengkap Ibn al-Athir ialah Abu al-Hasan ‘Ali b. Abi al-Kiram Muhammad b. Muhammad b. ‘Abd al-Karim b. ‘Abd al-Wahid al-Shaybani.

Beliau digelar dengan panggilan Abu al-Hasan dan ‘Izz al-Din. Bagaimanapun, beliau lebih dikenali sebagai Ibn al-Athir al-Jazari, yang merujuk kepada tempat kelahiran beliau, iaitu sebuah perkampungan dikenali sebagai al-Jazirah Ibn ‘Umar yang terletak antara Mawsil dan Baghdad (Ibn al-Athir 1995, 1: 9; Azmul Fahimi & Norsaeidah 2011a: 536). Ibn al-Athir dilahirkan pada 4 Rabi‘ al-Awwal 555H/1160M dan merupakan anak kedua daripada tiga orang adik-beradik. Abangnya bernama Majd al-Din (554-606H/1149-1210M) dan adiknya bernama Diya’ al-Din (558-637H/1163-1239M) (Rosenthal 1986, 3: 723-724).

Ketika usianya muda, Ibn al-Athir bersama dua orang saudaranya telah mengikut bapanya, Abi al-Kiram Muhammad b. Muhammad berhijrah ke Mawsil. Hal ini disebabkan bapanya bertugas sebagai pegawai di kota Mawsil di bawah penguasaan Qutb al-Din Mawdud b. Zanki. Dari Mawsil, Ibn al-Athir telah mengembara ke beberapa kota seperti Baghdad, Dimashq dan Hijaz bagi menuntut pelbagai ilmu pengetahuan (Azmul Fahimi & Norsaeidah 2011a: 537). Ibn al-Athir bukan sahaja hidup pada zaman pemerintahan Bani Saljuq dan Atabik di Iraq, bahkan beliau hidup ketika zaman pemerintahan Kerajaan ‘Abbasiyah di Baghdad dan ketika Perang Salib Ketiga (1189-1193M) meletus. Ibn al-Athir pernah menyertai tentera Salah al-Din al-Ayyubi menentang tentera Kristian ketika berusia 28 tahun (Mahayudin 1986, 2: 460; Azmul Fahimi & Norsaeidah 2011b: 503). Ibn al-Athir meninggal dunia pada bulan Sha‘ban 639H/1232M ketika berusia 75 tahun dan dikebumikan di Mawsil (Azmul Fahimi & Norsaeidah 2011a: 536).

#### KETOKOHAN DAN PENULISAN

Ibn al-Athir merupakan sejarawan Muslim pada abad ke-6-7H/12-13M. Disebabkan kebolehan dan kebakarannya dalam bidang sejarah, beliau digelar sebagai al-Athir. Malah, beliau turut masyhur dengan karya sejarahnya, yang berjudul *al-Kamil fi al-Tarikh* (Mahayudin 1986, 2:460; Azmul Fahimi & Norsaeidah 2011b: 503). Ibn al-Athir menjadi seorang ahli sejarah kerana beliau menghafal sejarah awal dan sejarah terkemudian ketika itu. Selain itu, beliau turut menghafal hadith dan mempunyai pengetahuan tentang kabilah-kabilah Arab dan hari kebesaran mereka. Disebabkan kelebihan beliau ini, Ibn al-Athir amat rapat dengan sultan dan masyarakat. Malah, beliau turut dikenali sebagai seorang yang memiliki sifat terpuji, tawaduk dan berakhlaq mulia

(Ibn al-Athir 1995, 1:10; Azmul Fahimi & Norsaeidah 2011a: 537).

Wan Kamal (2001: 167) turut menukilkan pendapat Ibn Khallikan yang menyatakan bahawa Ibn al-Athir merupakan seorang ulama yang mahir tentang sejarah awal dan semasa serta berpengetahuan luas tentang *ansab al-'Arab*, *ayyam al-'Arab* dan *akhbar al-'Arab*, terutama tentang para Sahabat r.a. Ibn al-Athir telah menghasilkan beberapa buah kitab, antaranya *al-Lubab fi Tahdhib al-Ansab*. Kitab ini merupakan *mukhtasar* kepada kitab *al-Ansab li al-Sim'ani*. Antara karya Ibn al-Athir yang lain ialah *Usud al-Ghabah fi Ma'rifat al-Sahabah*, sebuah karya sejarah berbentuk *tarajum* atau karya biografi yang membincangkan perihal para Sahabat r.a. Selain itu, Ibn al-Athir turut menulis karya sejarah lain seperti *Tarikh al-Dawlah al-Atabikiyah* dan *al-Kamil fi al-Tarikh* (Ibn al-Athir 1995, 1: 10; Azmul Fahimi & Norsaeidah 2011a: 537).

#### KITAB AL-KAMIL FI AL-TARIKH

Kitab *al-Kamil fi al-Tarikh* merupakan antara kitab sejarah muktabar yang pernah dihasilkan oleh Ibn al-Athir. Perbahasan sejarah dalam kitab ini bermula daripada sejarah permulaan atau kewujudan alam dan makhluk hingga zaman hayat Ibn al-Athir, iaitu tahun 628H/1230M. Kitab ini ditulis berdasarkan gaya penulisan kitab *al-Tarikh al-Tabari* tulisan al-Imam Muhammad b. Jarir al-Tabari. Menurut Azmul Fahimi dan Norsaeidah (2011b: 503) yang menukilkan pendapat A. Muin Umar, menyatakan bahawa para sarjana amat mengagumi kitab *al-Kamil fi al-Tarikh* berikutan sikap penulisnya yang memberikan suatu bentuk pengumpulan peristiwa sejarah yang unik dengan menyediakan episod-episod sejarah mengikut kerangka sejarah. Selain itu, isi kandungannya merupakan hasil penelitian kembali terhadap bahan-bahan sejarah yang pernah disusun sebelumnya membuatkan ia mendapat penghargaan dan digunakan sebagai sumber di dalam penyusunan buku-buku sejarah Islam. Berdasarkan kenyataan tersebut, tidak hairan sekiranya metode penulisan dan kandungan sejarah dalam *al-Kamil fi al-Tarikh* mempengaruhi penulisan karya sejarah selepas itu, antaranya kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* karya Ibn Kathir.

Faktor yang mendorong Ibn al-Athir untuk menulis kitab sejarah ini ialah kerana minatnya yang mendalam terhadap bidang sejarah. Di samping itu, beliau mendapatkan kitab-kitab sejarah sebelum itu sebahagiannya terlalu panjang dan membosankan

manakala sebahagian kitab lain terlalu ringkas dan mencacatkan kandungan sejarah. Sebilangan sejarawan pula terlalu membicarakan perkara-perkara remeh hingga meninggalkan isu pokok manakala sebilangan sejarawan lain hanya mencatatkan sejarah yang berlaku pada zamannya sahaja dan tidak membicarakan sejarah yang berlaku di tempat lain (Wan Kamal 2001: 167-168).

Kaedah penulisan Ibn al-Athir berdasarkan kronologi atau urutan peristiwa sepertimana kaedah yang digunakan oleh al-Tabari dalam karya *al-Tarikh*. Ibn al-Athir menyusun dan mengumpulkan peristiwa-peristiwa kecil yang berlaku dalam satu-satu tahun dan mengakhiri dengan tarikh kewafatan tokoh-tokoh terkenal. Ketika membicarakan peristiwa-peristiwa besar dan penting, Ibn al-Athir akan mengkhususkannya di bawah tajuk-tajuk tertentu di dalam tahun ia berlaku. Ibn al-Athir tidak membicarakan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam satu-satu tahun secara meleret hingga masuk ke tahun-tahun berikutnya kecuali untuk menjaga kesinambungan peristiwa tersebut dan mengelakkan plot penceritaan sejarah terputus. Bagaimanapun, Ibn al-Athir berpendapat kaedah pensejarahan secara kronologi mempunyai kelemahannya tersendiri. Menurut beliau, kaedah ini boleh memutuskan jalinan atau kesinambungan sesuatu peristiwa sehingga beberapa tahun. Kaedah ini juga tidak memperlihatkan jalinan yang kemas dalam sesuatu peristiwa. Justeru, Ibn al-Athir berusaha sebaiknya dengan mengolah sesuatu peristiwa dalam sesebuah tempat walaupun peristiwa tersebut berterusan untuk beberapa tahun. Selain itu, Ibn al-Athir turut memberi ulasan tentang sesuatu perkara dan membuat kritikan terhadap beberapa riwayat terutama ketika membincangkan sejarah Kerajaan Ayyubiyah, Zankiyyah, Salibiyyah dan Mongol. Gaya bahasa Ibn al-Athir pula mudah difahami dan kadang kala diselit dengan ayat al-Qur'an, hadith Rasulullah SAW dan syair Arab (Wan Kamal 2001: 168-169; Azmul Fahimi & Norsaeidah 2011a: 539).

Sebanyak 32 sumber telah dirujuk oleh Ibn al-Athir dan sebahagian besar rujukan tersebut diambil daripada penulisan sejarah al-Tabari, *Tarikh al-Tabari*. Hal ini bertepatan dengan cara Ibn al-Athir memilih dan mengumpulkan maklumat sejarah daripada kitab-kitab sejarah yang masyhur dan penulis kitab tersebut dipercayai seorang yang jujur dalam penulisan (Ibn al-Athir 1995, 1: 3). Selain itu, beliau turut mengumpulkan maklumat sejarah daripada individu yang pernah melihat sesuatu peristiwa berlaku. Namun demikian, Ibn al-Athir mempunyai pendapat tersendiri mengapa kitab *Tarikh al-Tabari* menjadi

pilihan utama sebagai rujukan kitab sejarahnya. Hal ini disebabkan riwayat sejarah dalam *Tarikh al-Tabari* dirasakan sempurna oleh Ibn al-Athir. Sehubungan itu, Ibn al-Athir telah bertindak dengan hanya memilih riwayat yang paling sempurna kemudian memetiknya dan menambah beberapa perkara yang tidak terdapat padanya sehingga ia menjadi satu riwayat hasil daripada gabungan riwayat yang lain (Azmul Fahimi & Norsaeidah 2011a: 538).

Ibn al-Athir dikesan tidak membuat kritikan terhadap mana-mana maklumat yang diambil daripada *Tarikh al-Tabari*. Menurut beliau, ulasan dan kritikan tidak perlu ditambah berikutan keperibadian dan keilmuan al-Tabari yang tinggi serta dapat dilihat berdasarkan kitab-kitabnya yang mencakupi pelbagai bidang. Selain itu, metode pensejarahan al-Tabari, iaitu kronologi atau urutan peristiwa, turut menjadikan kitab *Tarikh al-Tabari* semakin unik dan dijadikan rujukan utama dalam *al-Kamil fi al-Tarikh* (Azmul Fahimi & Norsaeidah 2011a: 538). Hal sedemikian menjelaskan lagi penghormatan Ibn al-Athir terhadap al-Tabari dan kebergantungannya terhadap kitab *Tarikh al-Tabari* dapat dilihat pada metode penulisan dan isi kandungan sejarah *al-Kamil fi al-Tarikh*.

#### PERBAHASAN SEJARAH INDIA DALAM *AL-KAMIL FI AL-TARIKH*

India, yang dikenali sebagai Sind atau Hind, oleh masyarakat Arab telah mempunyai hubungan dengan kerajaan-kerajaan Arab sejak sebelum zaman Islam lagi, khususnya melalui perdagangan. Hubungan antara India dan kawasan Arab semakin berkembang setelah kedatangan agama Islam. Penyebaran dakwah Islamiyyah menyaksikan agama tersebut mula sampai ke India seawal kurun pertama Hijrah tetapi tidak bertapak kuat di sana (Mahayudin & Ahmad Jelani 1993: 447). Walaupun usaha menyebarkan Islam bermula sejak zaman Khulafa' al-Rashidin, namun usaha sedemikian dilihat tidak berjaya ketika itu kerana beberapa faktor, seperti faktor logistik, politik, geografi dan keselamatan (Ismail 2000: 50). Bagaimanapun, usaha tersebut tidak pernah padam dan diteruskan setelah Banu Umayyah mengambil alih institusi khilafah.

*Futuhat al-Islamiyyah* yang sebenar berlaku apabila ekspedisi tentera Islam, yang diketuai oleh Muhammad b. al-Qasim, dihantar untuk menguasai wilayah India pada tahun 92H/710M. Tentera pimpinan Muhammad b. al-Qasim berjaya mengambil masa kira-kira dua tahun untuk menguasai wilayah

tersebut setelah berjaya menewaskan pemerintah Hindu, Raja Dahir (Owen 1987: 12). Namun demikian, kekacauan politik yang melanda Kerajaan Umawiyyah menyebabkan perhatian khalifah terhadap wilayah India sering kali mengalami pasang surut. Disebabkan itu, wilayah ini sentiasa mengalami pergolakan dan penentangan, khususnya golongan Hindu dan hanya benar-benar merasai keamanan ketika pemerintahan Khalifah 'Umar b. 'Abd al-Aziz (99-101H/716-718M). Hal ini disebabkan polisi pentadbiran adil yang dilaksanakan oleh khalifah dan perlantikan gabenor yang diterima oleh masyarakat tempatan (Ismail 2000: 78). Bagaimanapun, setelah kematian 'Umar b. 'Abd al-'Aziz, kekacauan dan pergolakan kembali berlaku di wilayah India sebagai tanda protes terhadap kerajaan pusat di Dimashq, khususnya berkaitan perlantikan gabenor.

Pergolakan sedemikian menyebabkan golongan Hindu berjaya menawan semula beberapa kawasan di dalam wilayah India. Hal ini berterusan setelah Kerajaan 'Abbasiyah memegang institusi khilafah. Meskipun pemerintah 'Abbasiyah, yang berpusat di Baghdad, diiktiraf sebagai khalifah, namun usaha untuk melakukan *futuhat al-Islamiyyah* tidak giat dijalankan oleh pemerintah di peringkat pusat, seperti mana era Umawi. Ketika era 'Abbas, *futuhat al-Islamiyyah* yang dijalankan oleh pemerintah-pemerintah Islam di peringkat *duwaylat*. Dalam konteks India, usaha tersebut telah digerakkan semula oleh pemerintah Kerajaan Ghaznawi, Mahmud b. Sabuktigin atau Mahmud al-Ghaznawi, walaupun usaha sedemikian telah mula dicuba oleh pemerintah Kerajaan Saffariyyah dan Samaniyyah. Bagaimanapun, kejayaan Mahmud al-Ghaznawi menguasai semula India dan menyebarkan dakwah Islamiyyah telah diiktiraf oleh para sejarawan, termasuk Ibn al-Athir (Owen 1987: 22).

Ibn al-Athir menggunakan kalimah Hind, atau al-Hind, ketika merujuk kawasan India. Misalnya, Ibn al-Athir telah menggunakan kalimah al-Hind bagi merujuk peristiwa pertempuran antara Mahmud al-Ghaznawi dengan raja Hindu bernama Jaypal (Ibn al-Athir 1995, 8: 20). Bagaimanapun, Ibn al-Athir turut menggunakan beberapa nama tempat yang lain bagi merujuk kawasan India seperti al-Sind, Mukran, Ghaznah, Daybul, Sijistan, Khurasan dan Multan. Hal ini disebabkan tempat-tempat tersebut berada di dalam wilayah India ketika abad awal Islam dan tidak merujuk kepada sempadan negara India moden pada hari ini. Perbahasan sejarah Islam di India dalam karya *al-Kamil fi al-Tarikh* dikategorikan berdasarkan zaman pemerintahan Islam, iaitu zaman Khulafa' al-Rashidin, Umawi dan 'Abbas. Kategori zaman ini

dipilih bagi memudahkan pengklasifikasian peristiwa sejarah yang berlaku pada satu-satu zaman kerana metode pensejarahan Ibn al-Athir bersifat kronologi dan terikat dengan urutan peristiwa mengikut zaman.

#### ERA KHULAFĀ' AL-RASHIDIN

Perbahasan sejarah Islam di India dimulakan dengan peristiwa *futuhat* pada penghujung era pemerintahan Khalifah 'Umar b. al-Khattab RA. Peristiwa *futuhat* yang berlaku pada 23H/644M ini menyaksikan pembukaan dua buah kota yang terletak di barat wilayah India, iaitu Sijistan dan Mukran. Ekspedisi *futuhat* ke Sijistan diketuai oleh 'Asim b. 'Amru sambil dibantu oleh 'Abd Allah b. 'Umayr telah menawan kota tersebut dengan mudah setelah penduduknya menuntut perdamaian, menerima penguasaan kerajaan Islam dan bersedia membayar *kharaj* dan *jizyah*. Manakala, ekspedisi *futuhat* ke Mukran diketuai oleh al-Hakam b. 'Amru al-Taghlibi dan dibantu oleh Shihab b. al-Mukhariq, Suhayl b. 'Adi dan 'Abd Allah b. 'Utban telah menerima tentangan sengit daripada tentera raja Sind. Setelah tentera Islam mencapai kemenangan, al-Hakam b. 'Amru telah menulis surat kepada Khalifah 'Umar b. al-Khattab r.a. bagi menyampaikan berita kejayaan tersebut dan memberi maklumat tentang kawasan yang baru dikuasai. Al-Hakam b. 'Amru telah menggambarkan kawasan tersebut sebagai kawasan bergunung-garang, kering kontang, tidak subur, terlalu banyak perompak dan tidak memberi manfaat yang besar. Disebabkan isi surat tersebut, khalifah mengambil keputusan untuk menangguhkan ekspedisi *futuhat* terlebih dahulu (Ibn al-Athir 1995, 2: 443). Bagaimanapun, penawanan kedua-dua kota tersebut telah membuka jalan *futuhat* ke kawasan Sind dan Balkh seterusnya ke wilayah India selepas zaman tersebut.

#### ERA UMAWI

Ekspedisi *futuhat* al-*Islamiyyah* giat dijalankan ketika pemerintahan Khilafah Umawiyah, khususnya ke wilayah al-Maghrib, al-Andalus, Ma Wara' al-Nahr dan India. Panglima-panglima perang yang mengetuai ekspedisi tersebut antaranya ialah 'Uqbah b. Nafi' dan Hasan b. al-Nu'man al-Ghassani (wilayah al-Maghrib), Musa b. Nusayr dan Tariq b. Ziyad (wilayah al-Andalus), Yazid b. al-Muhallab dan Qutaybah b. Muslim (wilayah Ma Wara' al-Nahr) dan Muhammad b. al-Qasim

(wilayah India). Ibn al-Athir (1995, 4: 250) telah membahaskan ekspedisi *futuhat* al-*Islamiyyah* ke India yang diketuai oleh Muhammad b. al-Qasim, khususnya pertempuran antara tentera Islam dengan tentera Hindu pimpinan Raja Dahir.

Kekuatan tentera Muhammad b. al-Qasim seramai 6,000 orang ini telah berjaya membuka satu persatu kota di wilayah India, antaranya Mukran, Qanazbur, Arma'il dan Daybul. Kemaraan tentera Islam telah memberi kejutan kepada Raja Dahir. Akhirnya, kedua-dua tentera telah bertempur di Lembah Sungai Mahran. Pertempuran tersebut dianggap sengit kerana pertama kali tentera Islam menghadapi tentera bergajah pihak lawan. Bagaimanapun, Raja Dahir berjaya dibunuh dalam medan pertempuran sekali gus merentap semangat tentera Hindu. Setelah mencapai kemenangan, tentera pimpinan Muhammad b. al-Qasim mara ke kota Barhamanabad dan Multan, kota-kota terpenting di wilayah India. Kota-kota ini amat kaya disebabkan statusnya sebagai pusat pentadbiran dan tumpuan ibadah penganut Hindu. Bahkan, Multan sendiri dianggap sebagai *Bayt al-Dhahab* kerana kebanyakannya binaan, termasuk kuil, diperbuat daripada emas (Ibn al-Athir 1995, 4: 250-252). Kejayaan ini telah memudahkan agama Islam disebarluaskan ke wilayah India dan hasil perbandaharaan negara ketika itu bertambah disebabkan perolehan harta *ghanimah*.

Bagaimanapun, kedudukan Muhammad b. al-Qasim tergugat setelah Khalifah al-Walid b. 'Abd al-Malik dan al-Hajjaj b. Yusuf al-Thaqafi meninggal dunia. Muhammad b. al-Qasim yang dianggap setia kepada kedua-dua pemimpin tersebut telah dicop sebagai pengkhianat atau pengacau bagi khalifah Umawiyah yang baru, Sulayman b. 'Abd al-Malik. Beliau telah ditangkap oleh gabenor yang baru dilantik, Yazid b. Abi Kabashah dan dibawa ke Iraq lalu dipenjarakan oleh gabenor Iraq yang baru, Salih b. 'Abd al-Rahman. Muhammad b. al-Qasim dipercayai meninggal dunia dalam tahanan dan peristiwa yang menimpa beliau ini menyebabkan penduduk di wilayah India berasa sedih. Peristiwa sedemikian turut menimpa gabenor-gabenor lain, seperti Musa b. Nusayr dan Qutaybah b. Muslim (Ibn al-Athir 1995, 4: 287). Agak malang tokoh-tokoh yang telah menyumbang jasa memperkuuhkan kekuasaan Kerajaan Umawiyah akhirnya dihapuskan hanya kerana pergeseran politik di peringkat atasan.

Antara perbahasan sejarah Islam di India ketika era Umayyah yang dicatatkan oleh Ibn al-Athir ialah penguasaan al-Junayd b. 'Abd al-Rahman ke atas wilayah Sind dan Hind setelah berjaya membunuh pemerintah wilayah tersebut, Jayshbah b. Dahir,

perlantikan ‘Asim b. ‘Abd Allah menggantikan al-Junayd b. ‘Abd al-Rahman sebagai gabenor Khurasan pada tahun 116H dan perlantikan Asad b. ‘Abd Allah menggantikan ‘Asim b. ‘Abd Allah sebagai gabenor Khurasan pada 117H (Ibn al-Athir 1995, 4: 377, 410, 413).

### ERA ‘ABBASI

Ibn al-Athir turut mencatatkan sejarah Islam di India yang berlaku ketika era ‘Abbasi secara terperinci. Berdasarkan catatan Ibn Athir, fakta menunjukkan pemerintah ‘Abbasiyyah pada era pertama memberikan perhatian terhadap penguasaannya di wilayah India. Misalnya, Khalifah Abu Ja‘far al-Mansur telah memecat gabenor Khurasan, ‘Abd al-Jabbar b. ‘Abd al-Rahman, lalu digantikan oleh al-Mahdi pada tahun 141H. Pemecatan tersebut menyebabkan perbalahan sehingga tercetusnya perang antara tentera khalifah dengan tentera ‘Abd al-Jabbar b. ‘Abd al-Rahman. Bagaimanapun, tentera khalifah pimpinan al-Mahdi telah memenangi pertempuran tersebut. Kemenangan berkenaan telah memperkuuhkan kedudukan al-Mahdi di Khurasan sekali gus membuka laluan kepadanya untuk menawan Tabaristan dan kawasan sekitar, seperti Merv dan Nayshabur (Ibn al-Athir 1995, 5: 131-132). Selain itu, Khalifah al-Mahdi telah memutuskan untuk melantik Ruh b. Hatim sebagai gabenor Sind menggantikan Mu‘abād b. al-Khalil yang meninggal dunia pada tahun 159H. Pada tahun yang sama, Khalifah al-Mahdi telah melantik Hamzah b. Yahya sebagai gabenor Sijistan dan ‘Abd al-Malik b. Yazid sebagai gabenor Khurasan (Ibn al-Athir 1995, 5:231). Amalan perlantikan yang diputuskan sendiri oleh khalifah membuktikan bahawa pemerintah ‘Abbasiyyah yang berpusat di Baghdad memberikan perhatian terhadap segala perkembangan di wilayah India.

Bagaimanapun, setelah Kerajaan ‘Abbasiyyah mulai lemah pada era kedua dan khalifahnya tidak lagi berkuasa mutlak, penguasaan wilayah India diambil alih oleh kerajaan berbentuk *duwaylat* yang muncul ketika itu. Antaranya ialah ialah penguasaan Kerajaan Saffariyyah pimpinan Ya‘qub b. al-Layth ke atas Kirman, yang terletak dalam sebahagian wilayah India. Penguasaan kota tersebut daripada Kerajaan al-Tahiriyah telah menaikkan imej Ya‘qub b. al-Layth sekali gus menjadi pemangkin kepada perluasan kuasa Kerajaan Saffariyyah di sebahagian wilayah India dan Parsi (Ibn al-Athir 1995, 6: 197-198). Setelah Ya‘qub b. al-Layth meninggal dunia pada tahun 265H, Kerajaan

Saffariyyah telah diambil alih oleh saudaranya, ‘Amru b. al-Layth. Bagaimanapun, pengambilalihan ini tidak berjaya untuk memperkuuhkan kedudukan Kerajaan Saffariyyah apabila kemunculan golongan Samaniyyah mula menggugat kerajaan tersebut. Golongan ini yang membentuk Kerajaan Samaniyyah akhirnya berjaya menguasai Sijistan sekali gus mengakhiri riwayat Kerajaan Saffariyyah pada tahun 298H (Ibn al-Athir 1995, 6: 468).

Perkembangan sejarah Islam di India semakin menyerlah setelah Kerajaan Ghaznawi ditubuhkan oleh Alptigin pada tahun 366H. Kerajaan yang berpusat di Ghaznah mengecapi zaman kegemilangan, khususnya ketika melakukan *futuhat* ke India, sewaktu pemerintahan Sabuktigin dan anaknya, Mahmud. Sabuktigin telah berjaya menawan dua buah kota, iaitu Qusdar dan Bistu, sebagai pembuka jalan untuk ke wilayah India. Kejayaan menawan kota tersebut dan perkampungan di sekitarnya telah diperhatikan oleh raja India, Jaybal. Beliau beranggapan misi ketenteraan Sabuktigin ini serupa seperti gerakan ketenteraan pimpinan Muhammad b. al-Qasim dahulu (Ibn al-Athir 1995, 7: 373-375). Setelah Sabuktigin meninggal dunia dan pimpinan Kerajaan Ghaznawi dipegang oleh Mahmud, Kerajaan Ghaznawi meneruskan misi ketenteraan untuk memperkuuhkan kedudukannya. Mahmud al-Ghaznawi telah menyerang dan menguasai Khurasan sebagai satu ancaman kepada kekuasaan Kerajaan Samaniyyah (Ibn al-Athir 1995, 7: 466).


Usaha *futuhat al-Islamiyyah* lebih giat dijalankan oleh Mahmud al-Ghaznawi. Setelah berjaya menguasai Khurasan, Mahmud al-Ghaznawi telah meneruskan usaha dengan menawan beberapa kawasan lain, antaranya Sijistan (390H), Multan (396H), Hind (397H), Bahimnagar (398H) Narin (400H) Bilad al-Ghur (401H), Qusdar (402H), Khawarizm, Kashmir dan Kanauj (407H), Afghaniyyah (409H), Qal‘ah Hind (414H), Sumnat (416H) dan al-Rayy (420H). Sepanjang ekspedisi ini, Mahmud al-Ghaznawi telah menghadapi pelbagai musuh, antaranya pakatan Hindu di bawah pimpinan Raja Jaybal dan golongan al-Ghuz (Ibn al-Athir 1995, 8: 3, 174). Berikutnya kejayaan menawan wilayah India dan menewaskan ancaman musuh, Mahmud al-Ghaznawi telah diberikan gelaran *Yamin al-Dawlah* oleh Kerajaan ‘Abbasiyyah dan Kerajaan Ghaznawi diiktiraf sebagai *Dar al-Islam*. Disebabkan kejayaan ini juga, Ibn al-Athir (1995, 8: 188-190) telah memerihalkan riwayat Mahmud al-Ghaznawi setelah beliau meninggal dunia pada tahun 421H/1030M.

Setelah itu, Ibn al-Athir meneruskan lagi perbincangan berkaitan sejarah Islam di India

dengan menulis beberapa maklumat berkaitan Kerajaan Ghaznawi setelah kematian Mahmud al-Ghaznawi. Kerajaan tersebut, yang diperintah oleh anak Mahmud al-Ghaznawi bernama Mas‘ud, telah meneruskan usaha perluasan kuasa dengan menawan beberapa kota seperti Mukran dan Kirman (422H) dan al-Rayy (424H) (Ibn al-Athir 1995, 8: 196, 206). Bagaimanapun, Kerajaan Ghaznawi mula mengalami kemerosotan setelah perebutan kuasa berlaku dalam kalangan kerabat istana, serangan daripada puak al-Ghuz dan penentangan dalaman daripada golongan tentera yang terdiri daripada puak al-Ghuri.

#### KATEGORI ISU SEJARAH ISLAM DI INDIA

Berdasarkan kepada dapatan dan ulasan perbahasan sejarah Islam di India dalam kitab *al-Kamil fi al-Tarikh*, kajian ini telah mengklasifikasikan perbahasan sejarah tersebut kepada tiga isu utama, iaitu peperangan atau *futuhat al-Islamiyyah*, pentadbiran kerajaan dan tokoh. Pengklasifikasi dilakukan sedemikian disebabkan perbahasan sejarah Islam di India banyak berkisar kepada isu-isu tersebut. Perincian perbahasan sejarah Islam di India dalam *al-Kamil fi al-Tarikh* dapat dilihat dalam graf di bawah:



GRAF 1. Kategori Perbahasan Sejarah Islam di India dalam *al-Kamil fi al-Tarikh*

Berdasarkan Graf 1, isu peperangan dan *futuhat al-Islamiyyah* lebih banyak dicatat dan dibincangkan oleh Ibn al-Athir di dalam karya sejarahnya, iaitu sebanyak 40 kali. Hal ini tidak menghairankan kerana peristiwa *futuhat al-Islamiyyah* dan peperangan merupakan peristiwa sejarah yang kerap berlaku di India. Sebarang kerajaan Islam yang wujud di India kerap terlibat dalam peperangan, sama ada untuk memperluaskan kekuasaan dan menghadapi ancaman musuh. Selain itu, polisi kerajaan, khususnya ketika era Umawi, yang dilihat menyokong gerakan *futuhat* turut menyumbang kepada kekerapan berlakunya peristiwa peperangan. Pergolakan dalaman dan ancaman luar turut mendorong ke arah peristiwa peperangan dalam perbahasan sejarah.

Manakala, isu pentadbiran atau politik sesebuah kerajaan di wilayah India dibincangkan sebanyak 27 kali di dalam kitab *al-Kamil fi al-Tarikh*. Isu pentadbiran ini lebih tertumpu kepada kemunculan sesebuah kerajaan dan perlantikan pemerintah baru di wilayah India, seperti pemerintah Kerajaan Ghaznawi. Isu ini juga banyak diperbahaskan kerana kandungan sejarah dalam *al-Kamil fi al-Tarikh* lebih menumpukan kepada perkembangan politik di sesebuah wilayah. Justeru, tidak hairan sekiranya isu pentadbiran kerajaan Islam di wilayah India turut

banyak dicatatkan oleh Ibn al-Athir. Sementara itu, isu berkaitan tokoh Islam di wilayah India hanya diperbahaskan secara terperinci sebanyak lima kali melibatkan lima orang tokoh politik yang dominan di wilayah India. Tokoh-tokoh tersebut ialah Muhammad b. al-Qasim, Ya‘qub b. al-Layth al-Saffar, Sabuktigin, Mahmud al-Ghaznawi dan Mas‘ud b. Mahmud.

## KESIMPULAN

Kitab *al-Kamil fi al-Tarikh* merupakan karya agung Ibn al-Athir berkaitan sejarah Islam. Kitab ini wajar dijadikan rujukan utama disebabkan kandungan sejarah dalam kitab ini merentasi zaman, bermula daripada zaman permulaan penciptaan makhluk hingga zaman hayat Ibn al-Athir, iaitu zaman Ayyubi. Pendekatan pensejarahan dalam kitab ini iaitu sistem kronologi memudahkan pengkaji sejarah untuk meneliti sebarang peristiwa sejarah yang telah berlaku dahulu. Perbahasan berkaitan sejarah Islam di India turut ditulis oleh Ibn al-Athir di dalam karya sejarah beliau. Perbahasan tersebut lebih tertumpu kepada peristiwa peperangan dan *futuhat al-Islamiyyah*, khususnya ketika era ‘Abbasi dengan tumpuan diberikan kepada Kerajaan Ghaznawi. Antara isu sejarah yang lain ialah berkaitan pentadbiran sesebuah kerajaan dan tokoh-tokoh tertentu seperti Muhammad b. al-Qasim, Ya‘qub b. al-Layth al-Saffar, Sabuktigin, Mahmud al-Ghaznawi dan Mas‘ud b. Mahmud. Maklumat sejarah Islam di India yang dicatatkan oleh Ibn al-Athir sewajarnya dijadikan dapatkan penting kepada pengkaji sejarah dan tamadun Islam, khususnya di kawasan India dan Sub-Continent. Perkara ini amat menarik diberikan untuk perhatian terutama kitab *al-Kamil fi al-Tarikh* disifatkan antara sumber primer dan muktabar bagi pengajian sejarah dan tamadun Islam. Bagaimanapun, cadangan kajian lanjutan boleh dilaksanakan berdasarkan kerangka kajian yang sesuai dalam membahaskan sejarah Islam di India dengan memilih sumber autentik sejarah lain seperti karya al-Tabari, al-Baladhuri, Ibn Kathir dan Abu Fadhl.

## RUJUKAN

- Abdullah Ishak. 1992. *Islam di India, Nusantara dan China*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Azmul Fahimi Kamaruzaman & Norsaeidah Jamaludin. 2011a. Epistemologi Sejarah Ibn al-Athir dalam ‘Kata Pengantar’ *al-Kamil fi al-Tarikh*. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara. Hlm. 536-540.
- Azmul Fahimi Kamaruzaman & Norsaeidah Jamaludin. 2011b. Kandungan Sejarah Ibn al-Athir dalam *al-Kamil fi al-Tarikh*. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Hlm. 502-506.
- Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfazlee Abul Hassan Ashari, Azmul Fahimi Kamaruzaman & Adibah Sulaiman @ Mohamad. 2012. Warfare in the History of the Marinid Military from the Chronicle of al-Salawi. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. 6(8). Hlm. 65-73.
- al-Faqi, ‘Isam al-Din ‘Abd al-Ra‘uf. 2002. *Bilad al-Hind fi al-‘Asr al-Islami Mundhu Fajr al-Islam wa Hatta al-Taqsim*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Hamka. 2006. *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Ibn al-Athir. 1995. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Athir. 1995. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Athir. 1995. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Athir. 1995. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Jil. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Athir. 1995. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Athir. 1995. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Jil. 8. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Batutah. 2002. *Rihlah Ibn Batutah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ismail Bakar. 2000. *Sejarah dan Tamadun Islam di India*. Jil. 1. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kulke, H. & Rothermund, D. 2004. *A History of India*. Ed. 4. London: Routledge.
- Lal, K.S. 1999. *Theory and Practise of Muslim State in India*. New Delhi: Aditya Prakashan.
- Mahayudin Yahaya. 1986. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Jil. 2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahayudin Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. 1993. *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohamad Zulfazlee Abul Hassan Ashari, Ezad Azraai Jamsari, Ismail Bakar & Wan Kamal Mujani. 2008. Peperangan dalam Sejarah Ketenteraan Islam: Satu Kajian Berdasarkan Kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* Karya Ibn Kathir al-Dimashqi (700-774H/1301-1373M). *Proceeding International Seminar on Islamic Civilization*. Hlm. 78-92.
- Mohamad Zulfazlee Abul Hassan Ashari & Ezad Azraai Jamsari. 2009. Peperangan dalam Sejarah Ketenteraan Banu Marin: Satu Kajian Berdasarkan *Kitab al-Istiqa li Akhbar Duwal al-Maghrib al-Aqsa* karya al-Salawi (m. 1315H/1897M). *Proceedings of the Malaysia Conference on Arabic and Islamic Civilization (MACASIC)*. Hlm. 467-483.

- Norsaeidah Jamaludin & Azmul Fahimi Kamaruzaman.  
 2012. Konteks Historiografi Ibn al-Athir. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2012*. Hlm. 698-706.
- Owen, S. 1987. *From Mahmud Ghazni to the Disintegration of Mughal Empire*. Delhi: Kanishka Publishing House.
- Rosenthal, F. 1986. Ibn al-Athir. Dlm. *The Encyclopaedia of Islam*. Jil. 3. Leiden: E.J. Brill. Hlm. 723-725.
- Wan Kamal Mujani. 2001. Sejarawan Islam dari abad ke-4 Hijrah hingga abad ke-8 Hijrah. Dlm. *Pensejarahan Islam PC 1473*. Hlm. 145-180.

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari  
 Pelajar Doktor Falsafah  
 Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam  
 Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Mohd. Roslan Mohd. Nor  
 Pensyarah Kanan  
 Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam  
 Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
 merangkap Timbalan Pengarah (Penyelidikan &  
 Pembangunan)  
 Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Ezad Azraai Jamsari  
 Pensyarah  
 Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 & Felo  
 Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor D.E.  
 MALAYSIA